



Askar Wataniah digesa siap sedia hadapi banjir

KUANTAN 18 Nov. – Pasukan Askar Wataniah di Pahang digesa bersiap sedia menghadapi bencana banjir yang dijangka melanda negeri ini pada pertengahan bulan depan.

Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah bertitah, bantuan daripada Askar Wataniah amat diperlukan dalam memudahkan kerja-kerja menyelamatkan mangsa banjir.

"Di Pahang sahaja, terdapat 2,500 askar wataniah yang telah dilatih dan khidmat mereka boleh diperlukan bila-bila masa termasuk dalam bencana banjir," titah baginda.

Tengku Abdullah bertitah demikian kepada pemberita pada majlis perasmian Latihan Kem Tahunan 2008 Rejimen 505 Askar Wataniah di Universiti Malaysia Pahang (UMP) di sini hari ini.

Tengku Abdullah bertitah, pihaknya berpuas hati dengan peranan yang dimainkan Rejimen 505 Askar Wataniah yang membantu mangsa dalam bencana banjir tahun lalu.

"Amat diharap pasukan ini bersedia menghadapi sebarang situasi sepanjang tugas mereka memberi bantuan kepada mangsa banjir nanti," titahnya.

Bagaimanapun, Tengku Abdullah menambah, Askar Wataniah masih memerlukan bantuan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) terutama berhubung kelengkapan lojistik terutama bot untuk membawa mangsa ke pusat pemindahan banjir.

Dalam perkembangan berkaitan, Tengku Abdullah memberitahu, kerajaan negeri sedang mempertimbangkan untuk mendalamkan Sungai Pahang sebagai langkah menangani masalah banjir.